



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor** mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

TAJUK PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP
TAJUK CADANGAN MEMBINA 1 BLOK PANGSAPURI PERKHIDMATAN 33 TINGKAT (615 UNIT) MENGANDUNGI : 1. ARAS BAWAH TANAH – 1 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA; 2. ARAS TANAH – 1 TINGKAT LOBI UTAMA, PEJABAT PENGURUSAN, 6 UNIT RUANG PERNIAGAAN, TADIKA, RUANG SOLAT, TEMPAT LETAK KERETA, RUANG SERVIS DAN 1 UNIT RUMAH PENGAWAL DAN 1 UNIT PUSAT KEBUK SAMPAH; 3. ARAS MEZZANINE – 13 UNIT RUANG PERNIAGAAN DAN 1 UNIT CO-WORKING; 4. TINGKAT 1 HINGGA TINGKAT 7 – 7 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA; 5. TINGKAT 8 – 1 TINGKAT KEMUDAHAN PENDUDUK DAN RUANG PERNIAGAAN; 6. TINGKAT 9 HINGGA TINGKAT 32 – 24 TINGKAT PANGSAPURI PERKHIDMATAN (495 UNIT) DAN SOHO (120 UNIT) YANG MENGANDUNGI ANJUNG UTARA (304 UNIT) DAN ANJUNG SELATAN (311 UNIT); 7. ARAS BUMBUNG – 1 TINGKAT BILIK LIF MOTOR, RUANG SERVIS DAN TANGKI AIR DI ATAS PRECINT 2.12 (LOT 10083) PERSIARAN DATO' MENTERI, SEKSYEN 14, BANDAR SHAH ALAM, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN" PAKEJ 2 - KERJA-KERJA SUPERSTRUKTUR NO KONTRAK PKNS/SQ/S14-SA/KON-1/2023-02(TS)	CIDB : Gred G7 Kategori : B Pengkhususan : B04 & CE21	BAHAGIAN PEROLEHAN, Tingkat 2, Blok D, Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Pada : 5 Februari 2026 Hingga 20 Februari 2026 Jam: 9:00 Pagi - 4:00 Petang	14 April 2026 (Selasa) Jam 12:00 Tengahari  MOHAMMAD F. KARUDDIN BIN FUAD Penolong Pengurus Kanan Bahagian Perolehan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

1. Keutamaan diberikan sekiranya petender / syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah :-

- i) Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
- ii) Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
- iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001 : 2015)

(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender / tawaran)

2. Syarikat yang berminat juga **wajib (Mandatory)** memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut :

- (i) Mempunyai Modal Kewangan termasuk wang tunai semasa, kemudahan kredit atau lain-lain sekurang-kurangnya sebanyak **RM15,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Juta)**.
- (ii) Mempunyai pengalaman serupa bagi kerja-kerja (**High-Rise Condominium**) minimum **25 tingkat** melibatkan sub basement, podium yang mengandungi fasiliti seperti kolam renang, surau, gymnasium dan lain-lain dengan nilai projek sekurang-kurangnya **RM80juta ke atas**.
- (iii) Syarikat perlu mengemukakan bersama-sama Surat Setuju Terima / Surat Tawaran terdahulu bagi pengalaman kerja serupa iaitu kerja-kerja (**High-Rise Condominium**) di Bahagian Perolehan sebelum pembelian dokumen dibuat.
- (iv) Status syarikat tidak disenarai hitam atau dikenakan Tindakan Tatatertib oleh CIDB Malaysia.
- (v) Mempunyai sijil **SCORE CIDB** dengan minimum **3 Bintang** dan masih berkuatkuasa melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender.

3. Dokumen Tender akan dijual (**Pendrive Softcopy**) pada harga **RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bayaran pembelian dokumen tender boleh dibuat seperti berikut:-

- (i) Melalui Kad Debit atau Kad Kredit hendaklah dibuat di Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam dan mendapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk membeli Dokumen Tender.

4. Naskah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **3 Februari 2026**.

5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK)** serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

6. Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.

7. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

BAHAGIAN PEROLEHAN
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel: 03-5525 0300
<http://etender.pkns.gov.my>

8. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.